

22 OCT 2002

MAHATHIR-PERNIAGAAN/I

M'SIA CAPAI PENINGKATAN PERNIAGAAN KERANA PENGURUSAN EKONOMI

Oleh: Mahesh Prasad

NEW DELHI, 22 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan bahawa pengurusan ekonomi yang dilakukan oleh Malaysia, yang mendorong negara ini mencapai peningkatan besar dalam perniagaan selepas penetapan mata wangnya, menunjukkan bahawa Asia tidak memerlukan tunjuk ajar daripada Barat mengenai pengurusan ekonomi.

Beliau berkata, "menguruskan ekonomi adalah lebih sukar daripada hanya menetapkan kadar faedah."

"Kita tidak boleh lagi menyelesaikan masalah ekonomi dengan menurunkan atau menaikkan kadar faedah. Sejak peperangan yang lalu, harga semua barangan keperluan telah dikawal oleh kerajaan. Kadar inflasi jarang-jarang meningkat sebanyak lebih daripada satu peratus," katanya dalam satu wawancara dengan akhbar kewangan terkemuka, Economic Times, semasa lawatannya ke India awal minggu ini.

"Sebaliknya, lihat sahaja Amerika Latin, di mana berbagai cara pengurusan ekonomi telah dicuba, tetapi mengakibatkan kadar inflasi yang amat tinggi. Jadi, kita telah tunjukkan kepada mereka," katanya.

"Kita telah menambatkan mata wang kita pada RM3.80 bagi setiap dolar. Kita telah mencapai perniagaan yang bertambah baik selepas menambatkan mata wang kita. Ahli-ahli perniagaan lebih gemar kepada kadar pertukaran tetap kerana ia mengelakkan kegiatan seperti melindungi nilai, jadi tidak ada tekanan daripada masyarakat perniagaan untuk menukar kadar tetap itu," jelas Dr Mahathir.

Dalam mukadimahnya sebelum menyiarkan jawapan kepada soalan-soalan yang diajukan, akhbar itu berkata "walaupun menerima kritikan daripada Barat, kini telah diakui bahawa tindakan ekonomi yang dilaksanakan oleh Dr Mahathir benar-benar telah menyelamatkan Malaysia daripada kesan berjangkit (krisis ekonomi Asia dalam tahun-tahun 1997/98) dan membantu ekonominya pulih lebih cepat daripada banyak negara Asia."

Bagaimanapun, ahli ekonomi seperti Paul Krugman, yang berkata bahawa kawalan modal merupakan kaedah terbaik untuk menghentikan keruntuhan ekonomi, tetap berpendapat bahawa kawalan begini harus bersifat sementara dan harus ditarik balik apabila krisis berakhir.

Ditanya pendapat beliau mengenai kemasukan China dalam Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dan sama ada ia boleh menjadi ancaman kepada ahli-ahli perniagaan Malaysia, Dr Mahathir tersenyum dan menjawab:

"Kita mengalu-alukannya. Benar, sekarang China telah menjadi pesaing yang amat kuat bagi negara-negara Asia Tenggara. China menarik banyak pelabur. Tetapi, kita melihat persaingan ini dari sudut positif," katanya.

"China adalah sebuah pasaran yang besar dan Malaysia ada produk yang boleh dijual kepada China. Perlu juga diingat, China tidak boleh menghasilkan produk seperti minyak sawit, kayu atau elektronik yang terlalu canggih," katanya. -- BERNAMA

MP MR FR KY NHD